

KUKUM

KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA

UPACARA PECAH TANAH KAMPUS TETAP KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA

Disempurnakan oleh
Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Hj. Ahmad Badawi
Timbalan Perdana Menteri Malaysia

2 JUN 2003

Tapak Kampus Tetap KUKUM
Ulu Pauh, Arau, Perlis



KUKUM

WAWASANKU

KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN
UTARA MALAYSIA
ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN
WAWASAN JIWA KITA

BERDIKARI, ROHANIAH
BERTEKNOLOGI
PEMIMPIN BERBISTARI
UNTUK BANGSA, INSAN DAN UMAT DUNIA
NEGARA YANG TERCINTA

KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN
UTARA MALAYSIA
ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN
WAWASAN JIWA KITA

Lagu : Fauzi Marzuki
Lirik : Prof. Madya Dr. Ismail Abdullah





Selamat Datang

Upacara Pecah Tanah

Kampus Tetap

Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia



KUKUM

**UPACARA PECAH TANAH KAMPUS TETAP
KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA
(KUKUM)**

**Disempurnakan oleh
Y.A.B. Dato' Seri Abdullah b. Hj. Ahmad Badawi
Timbalan Perdana Menteri**

**Pada hari Isnin, 2 Jun 2003
Di Tapak Kampus Tetap KUKUM, Ulu Pauh, Arau, Perlis**

K

U

K

U

M



Y.A.B. DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI

Timbalan Perdana Menteri Malaysia

S.P.M.S., S.S.S.J., S.S.A.P., S.P.D.K., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N.

KATA ALU-ALUAN TIMBALAN PERDANA MENTERI



Bismillahirrahmanirahim,

Selepas negara kita mencapai kemerdekaan, tumpuan utama negara adalah membangunkan bidang pendidikan yang dianggap amat penting dalam pembangunan sumber manusia. Perkembangan pesat bidang pendidikan ini dapat dilihat melalui usaha kerajaan menubuhkan beberapa institusi pengajian tinggi termasuk kolej-kolej universiti. Justeru upacara pecah tanah Kampus Tetap Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) ini menjadi satu lagi detik bersejarah dalam kemajuan pendidikan tinggi negara.

KUKUM merupakan sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang terbongsu di negara ini dan ditubuhkan oleh kerajaan untuk melahirkan jurutera berkemahiran tinggi dan berkebolehan merekabentuk, menguji dan menyelenggara peralatan serta mengaplikasikan sebarang konsep teori. Penubuhan universiti ini sememangnya bagi memenuhi dan menyokong pelan perindustrian negara yang memerlukan jurutera berkemahiran tinggi yang mempunyai keseimbangan teori dan praktikal bagi mencapai matlamat sebuah negara maju.

Semoga KUKUM dapat bersama-sama menyumbang ke arah pencapaian Wawasan 2020 dengan melahirkan generasi yang berwawasan, inovatif, kreatif dan proaktif.

Y.A.B. DATO' SERI ABDULLAH B. HJ. AHMAD BADAWI
Timbalan Perdana Menteri Malaysia

KATA ALU-ALUAN MENTERI PENDIDIKAN



Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera,

Sebagai memenuhi harapan Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju, bidang kejuruteraan harus diberi perhatian sewajarnya. Oleh itu, bidang tersebut perlu diberi keutamaan di dalam senario pendidikan tinggi negara, demi untuk melahirkan jurutera-jurutera yang berkemahiran tinggi dan berpotensi membawa negara kita ke persada antarabangsa. Untuk merealisasikan hasrat tersebut, kerajaan telah menubuhkan beberapa buah kolej universiti dan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) merupakan salah satu daripadanya.

Salah satu pendekatan pembelajaran yang kian meningkat kepentingannya pada masa ini ialah kaedah yang berkonsepkan 'hands on', iaitu yang mengintegrasikan gunaan dan kemahiran. Pendekatan seumpama ini menekankan kepada aspek praktikal tanpa mengurangkan pengajaran teori. Penubuhan KUKUM adalah antara lain untuk memberi peluang kepada pelajar yang cenderung kepada pembelajaran praktis seperti ini pada peringkat tinggi.

Upacara pecah tanah tentunya menjadi detik bersejarah kepada KUKUM sebagai sebuah universiti awam yang berperanan melahirkan golongan profesional dalam bidang kejuruteraan di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Selamat Maju Jaya.

TAN SRI DATO' SERI MUSA BIN MOHAMAD,
Menteri Pendidikan Malaysia

KATA ALU-ALUAN MENTERI BESAR PERLIS.



Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat datang kepada Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dan tetamu-tetamu luar ke Negeri Perlis yang permai lagi mempesona ini. Kehadiran YAB membawa seribu makna kepada rakyat negeri ini dalam menyempurnakan Upacara Pecah Tanah Kampus Tetap Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) di Ulu Pauh, Arau pada tarikh yang bersejarah ini.

Bagi rakyat negeri Perlis, saya amat berbangga kerana YAB telah merestui hasrat mewujudkan sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) di Negeri Perlis. Pembinaan kampus tetap KUKUM di Ulu Pauh ini membuktikan bahawa negeri ini turut sama menikmati perkembangan arus perdana negara khususnya dalam bidang kejuruteraan.

Usaha kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Pendidikan membangunkan KUKUM adalah sejajar dengan wawasan negara menjadi sebuah negara maju dan memenuhi matlamat Wawasan 2020. Perkembangan ini secara tidak langsung akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Perlis pada masa akan datang.

Akhir kata, saya berharap agar projek pembangunan kampus tetap KUKUM dapat dijalankan seperti dirancangkan demi memastikan agenda pendidikan tinggi nasional dapat dijayakan demi kemajuan bangsa, agama dan negara.

Salam hormat.

DATO' SERI SHAHIDAN B. KASSIM.
Menteri Besar Perlis



KATA ALU-ALUAN PENERUS LPU

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

Bagi pihak warga KUKUM, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Y.A.B. Dato' Seri Abdullah b. Ahmad Badawi atas kesudian Y.A.B. merasmikan Upacara Pecah Tanah Kampus Tetap KUKUM yang amat bermakna ini.



KUKUM akan menjadi sebuah universiti yang terkemuka dalam pendidikan kejuruteraan serta penggunaan ICT dalam bidang kajian dan pendidikannya. Selaras dengan misinya, KUKUM juga akan menjadi sebuah institusi akademik dan pendidikan yang bertaraf dunia bagi menjana pemimpin terbilang negara.

Kampus tetap KUKUM apabila siap nanti, akan merupakan satu model kampus alam yang menekankan kepada pembangunan yang tidak menjejaskan pemeliharaan alam sekitar.

Selamat Maju Jaya saya ucapkan kepada Rektor dan seluruh warga KUKUM dan juga mengharapkan pembangunan Kampus Tetap KUKUM ini akan berjalan dengan lancar, Inshaallah.

Sekian, terima kasih.

DATO' RAMLI BIN ABBAS
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti



KATA ALU-ALUAN REKTOR

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita menyaksikan Upacara Pecah Tanah Kampus Tetap Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Bagi pihak warga KUKUM saya merakamkan ribuan terima kasih atas kesudian Y.A.B. Dato' Seri Abdullah b. Hj. Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia menyempurnakan upacara yang amat besar ertinya ini. Sekalung terima kasih juga kepada Y.A.B. Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Shahidan b. Kassim serta Y.B. Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa b. Mohamad atas kesudian menghadiri upacara ini.



Sepertimana sedia maklum, perkembangan sektor industri dan peningkatan keperluan pembangunan di negara ini memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam bidang sains dan teknologi. Justeru, penubuhan KUKUM merupakan satu usaha kerajaan yang bertujuan untuk melahirkan jurutera berkemahiran tinggi bagi memenuhi dan menyokong pelan perindustrian negara, selain memberi alternatif kepada pelajar yang cenderung kepada pembelajaran secara praktis. Bagi memenuhi hasrat tersebut kaedah pembelajaran berkonsepkan '*hands on*' ditekankan dalam sistem pengajian di KUKUM.

Perancangan pembangunan kampus tetap KUKUM yang dijangka siap menjelang tahun 2006 adalah berkonsepkan sebuah Kampus Alam yang dilengkapi dengan pelbagai prasarana moden yang mampu mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang canggih dan berteknologi tinggi. Buat masa kini KUKUM beroperasi di beberapa lokasi sementara seperti di Kubang Gajah, bangunan KWSP, Kuala Perlis dan juga di Taman Aman. Konsep ini dikenali sebagai '**KUKUM Distributed Campus**' (Kampus Teragih KUKUM).

Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sokongan kerjasama semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan upacara pada hari ini.

Sekian. Terima kasih.

"BERSAMA MEMBANGUNKAN SEBUAH UNIVERSITI"

PROF. DR. KAMARUDIN B. HUSSIN
Rektor



K

U

K

U

M

MISI

Merealisasikan aspirasi negara dan menyumbang kepada ketamadunan dunia

VISI

Menjadikan institusi akademik dan penyelidikan yang bertaraf dunia bagi menjana pemimpin terbilang negara

MOTO

ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN

MATLAMAT DAN FALSAFAH

Kursus Sarjana Muda Kejuruteraan di Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia mempunyai matlamat untuk menghasilkan graduan kejuruteraan yang berkelayakan dalam pelbagai bidang strategik yang berupaya mencari penyelesaian kepada pelbagai bentuk masalah menerusi pemikiran yang inovatif. Program kejuruteraan yang dijalankan di Universiti ini pada dasarnya menitik beratkan kepada 'hand-on' dengan memberi lebih penekanan kepada amali. Kursus-kursus yang ditawarkan juga menyatukan teori dengan amali mengikut keperluan industri. Semasa mengikuti kursus, pelajar juga akan dibekalkan dengan kemahiran pengurusan, perakaunan, keusahawanan, kemahiran berkomunikasi, kokurikulum, dan pembangunan sahsiah. Ini bertujuan untuk melahirkan jurutera yang bukan sahaja cekap dalam bidang berteknologi tinggi yang mereka ikuti, tetapi juga berkebolehan untuk berdikari dan mempunyai sikap-sikap mulia dan terpuji.

LATAR BELAKANG PENUBUHAN KUKUM

Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) ditubuhkan sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke 17 setelah diluluskan oleh kabinet pada 25 Julai 2001. Penubuhan KUKUM bertujuan untuk melahirkan jurutera berkemahiran tinggi bagi memenuhi dan menyokong Pelan Perindustrian Negara, selain memberi alternatif kepada pelajar yang cenderung kepada pembelajaran secara praktis.

Aktiviti dan pembangunan kurikulum, pembangunan fizikal dan pengambilan staf bermula selepas perantikan Rektor dan Timbalan Rektor pada 16 Februari 2002 yang lalu. Pada 2 Mei 2002 KUKUM mula beroperasi di kampus sementara di Kubang Gajah, Arau, Perlis dan telah menerima pelajar sulung bagi sesi akademik 2002/2003 seramai 116 orang pada 20 Jun 2002. Bagi sesi akademik 2003/2004, KUKUM akan menerima kemasukan pelajar seramai 660 orang.

Pembelajaran yang dilaksanakan adalah secara 'hands-on' bagi menghasilkan jurutera yang berkebolehan dalam merekabentuk, membuat peralatan, menguji dan menyelenggara serta mengaplikasi sebarang konsep teori. Program akademik KUKUM adalah berasaskan 60% pengajaran dalam bentuk praktikal dan 40% dalam bentuk pengajaran teori.

KUKUM kini beroperasi di Bangunan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menempatkan Jabatan Canselori, Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari dan Perpustakaan, dan di Taman JKKK, Kubang Gajah, Arau menempatkan Bangunan Pentadbiran, Pusat-pusat Pengajian, Bilik Kuliah, Makmal dan bahagian Hal Ehwal Pelajar, serta di Taman Aman, Kangar dan Kampung Wai, Kuala Perlis menempatkan Kolej Kediaman Pelajar.



**AHLI LEMBAGA PENGARAH
KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA**



Duduk dari kiri :

Y.Bhg. Dato' Dr. Norraesah bt Mohammad, Y.Bhg. Dato' Ramli b. Abbas (Pengerusi),
Y.Bhg. Prof. Dr. Kamarudin b. Hussin.

Berdiri dari kiri :

Y.Berusaha Dr. Mohd Taib b. Hashim, Y.B. Dato' Mohiyaddin @ Mohyidin b. Che' Jan,
Y. Bhg. Tan Sri Dr. Syed Jalaludin b. Syed Salim, Y. Bhg. Dato' Hj. Sanad b Hj. Said,
Y. Berusaha En. Ku Halim b. Ku Ariffin

**PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA
KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA**



Rektor
Profesor Dr. Kamarudin Hussin



Timbalan Rektor
Prof. Madya Dr. Ali Yeon Md. Shakaff



Pendaftar
En. Ku Halim Ku Ariffin



Bendahari
Tuan Haji Ayob Ismail



Ketua Pustakawan
Pn. Hajah Foyziah Ahmad Nasruddin

**PEGAWAI PENGURUSAN
KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA**



**PROF. MADYA DR.
ISMAIL DAUT**
Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan
Sistem Elektrik



**PROF. MADYA DR.
ZUL AZHAR ZAHID JAMAL**
Dekan
Pusat Pengajian
Kejuruteraan Mikroelektronik



**PROF. MADYA DR.
ZURAIDAH MOHD ZAIN**
Dekan
Pusat Kemahiran Komunikasi
dan Keusahawanan



**PROF. MADYA DR.
SHAMSUL
BAHARIN JAMALUDIN**
Pemangku Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan
Bahan



EN. ZOL BAHRI RAZALI
Pemangku Dekan
Pusat Pengajian
Kejuruteraan Mekatronik



EN. AZMAN MUHD YUSOF
Pemangku Dekan
Pusat Pengajian
Kejuruteraan
Komputer dan Perhubungan



EN. JAMALI MD SAH
Pemangku Dekan
Pusat Pengajian
Kejuruteraan
Sistem Pembuatan

K**U****K****U****M**

**PEGAWAI PENGURUSAN
KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA**



EN. ABDUL RAHMAN
MOHD SAAD
Pengarah
Pusat Kejuruteraan



EN. YUFRIDIN WAHAB
Pengarah
Pusat Perhubungan
Industri



EN. NASRUDIN
ABDUL SHUKOR
Timbalan Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat
& Komunikasi



Ir. ABDUL GHAPAR AHMAD
Timbalan Pengarah
Jabatan Pembangunan



PROF. MADYA. DR.
MOHD. RIZON JUHARI
Penyelaras
Ijazah Tinggi & Penyelidikan



PROF. MADYA DR.
LEHA @ ZALEHA MUHAMAT
Penggawa
Kolej Kediaman



MEJAR (B) HAJI BAKRI
HAMID
Penolong Pegawai
Keselamatan



EN. ABD. AZIZ
MOHD. NAJIMUDIN
Penolong Pendaftar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar

PROGRAM AKADEMIK

Program Akademik yang ditawarkan di KUKUM merangkumi kursus-kursus seperti berikut :

IJAZAH SARJANA MUDA (B.Sc.Eng.)

- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Komputer)
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Mikroelektronik)
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Pembuatan)
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Mekatronik)
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Perhubungan)
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Bahan)
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Sistem Elektrik)
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Elektronik Industri)
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Elektronik)
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Metarlurgi)

KELAYAKAN YANG DIPERLUKAN

- Sijil Matrikulasi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia atau setaraf dengannya.
- Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau setarafnya
- Diploma dari Politeknik atau setaraf dengannya (untuk kemasukan pada 2003/2004).
- Atau lain-lain kelulusan yang diiktiraf oleh pihak Senat KUKUM.

JANGKAMASA PENGAJIAN DAN KAEDAH

Tempoh kursus adalah 4 tahun dan akan dijalankan dalam bentuk “hands-on” yang mana lebih kurang 60% dari masa pertemuan merupakan aktiviti praktikal yang merangkumi amali makmal, pembelajaran berbantu komputer, kerja bengkel, latihan industri dan projek yang berlandaskan rekabentuk atau penyelesaian masalah teknologi

OBJEKTIF PROGRAM

Objektif program ini adalah untuk melahirkan tenaga manusia di peringkat ikhtisas yang mahir serta mempunyai pengetahuan yang kukuh dalam bidang kejuruteraan. Para graduan juga akan diterapkan dengan budaya ilmu supaya mempunyai personaliti dan keperibadian yang unggul dan mampu berdikari sebagai usahawan profesional.

KAMPUS TETAP KUKUM

Kampus tetap KUKUM yang mempunyai keluasan 1,358 ekar merangkumi dua tapak yang berasingan terletak di Ulu Pauh dan Sungai Chuchuh.

Tapak di Ulu Pauh seluas 1,058 ekar akan dibangunkan untuk pembangunan 7 buah Pusat Pengajian bersama 3 buah pusat Bahasa dan 2 buah Pusat Kecemerlangan di samping zon gunasama dan kolej kediaman pelajar. Sasaran kemasukan pelajar pada tahun 2006 adalah seramai 5,600 orang dan untuk jangka masa 10 tahun KUKUM akan mempunyai bilangan pelajar seramai 10,000 orang.

Tapak di Sungai Chuchuh yang masih dalam perancangan cadangan akan menempatkan Pusat Pengajian Bio/Agro Related Engineering bersama zon gunasama dan kolej kediaman. Tapak yang mempunyai keluasan 300 ekar terletak lebih kurang 8 km dari Padang Besar.

Perunding Pengurusan Projek (PMC) yang dilantik ialah Crimson Network Sdn Bhd manakala kontraktor utama ialah Konsortium Pauh Indah bertanggungjawab untuk memastikan kelicinan pembinaan Kampus Tetap KUKUM ini.



PELAN LOKASI TAPAK KAMPUS TETAP KUKUM



K

U

K

U

M

PELAN INDUK KAMPUS TETAP KUKUM

